

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA'(FATWA) NEGERI  
SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI  
PENETAPAN KADAR ZAKAT FITRAH BAGI TAHUN 1419H/1998M**

**1. TAJUK PERSOALAN**

Laporan ini dikemukakan kepada Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(FATWA) Negeri Selangor untuk mendapatkan pandangan, pengesahan, dan persetujuan Jawatankuasa mengenai penetapan kadar zakat fitrah di Negeri Selangor bagi tahun 1419H bersamaan 1998/1999M.

**2. LATAR BELAKANG**

2.1 Nilai yang ditetapkan adalah bersamaan dengan harga pasaran 1 gantang Baghdad iaitu 3 kati 12 tahlil atau bersamaan 2.27kilogram mengikut sukatan dan timbangan sebagaimana yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Oleh yang demikian penetapan harga fitrah dilakukan dengan mengambil kira penetapan harga beras oleh Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS), mengikut harga maksima kawalan beras di bawah perintah Perintah Beras(Kawalan Harga) 1998, mengikut gred dan zon bagi sesebuah negeri di Malaysia.

2.2 Kadar harga fitrah yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pada tahun-tahun lalu adalah berdasarkan perkembangan semasa seperti jadual di bawah:

<b>TAHUN</b>	<b>KADAR FITRAH</b>
1991-1992	RM 2.50
1993-1995	RM 2.70
1996-1997	RM 3.20
1997-1998	RM 3.40

- 2.3 Mesyuarat pada tahun lalu telah bersepakat menjalankan kajian kadar harga fitrah dengan jarak dua tahun sekali. Walau bagaimanapun keputusan ini boleh dipinda sekiranya keadaan semasa menuntut kajian dilakukan dilakukan setiap tahun atau dengan jarak yang lebih lama.
- 2.4 Namun demikian alternatif lain ialah menyediakan 3 kategori kadar harga fitrah memandangkan pembayar berbeza citarasa dari segi pilihan beras. Hasil daripada pengelasan jenis beras, didapati mereka yang menggemari beras mewah (diklasifikasikan sebagai **Gred 1**), kadar fitrah ialah **RM 4.40**. Bagi pilihan beras sederhana atau beras wangi biasa (diklasifikasikan sebagai **Gred 3**), kadar harga fitrah ialah **RM 3.10**. Kaedah seperti ini pernah diamalkan oleh Negeri Perlis dahulu. Akan tetapi pembahagian gred ini tidak sesuai dipraktikkan kerana ia menimbulkan kerumitan kerja dari segi perbezaan resit, masalah amil, tukaran wang dan sebagainya.
- 2.5 Pegalaman Negeri Perlis tidak dapat kita asimilasikan di Negeri Selangor kerana faktor-faktor keadaan yang berbeda. Tambahan pula Negeri Perlis tidak lagi mengamalkan kaedah ini sejak tahun 1418H lagi. Perlis sekarang mempunyai kadar harga fitrah yang selaras iaitu RM 3.50. Namun demikian, Negeri Terengganu masih mengamalkan pembahagian mengikut 3 kategori ini pada tahun 1418H yang lalu. Bagi kategori A, kadar harga fitrah ialah RM4.10, kategori B ialah RM3.80 dan kategori C ialah RM3.50.
- 2.6 Berdasarkan keterangan ini, kadar harga fitrah sebanyak RM3.40 bagi Negeri Selangor wajar dikekalkan kerana ia lebih sesuai. Tambahan pula keadaan ekonomi tidak memberangsangkan dan tidak menentu pada masa sekarang dan kadar RM3.40 tersebut dirasakan memadai dan praktikal diimplementasikan untuk musim 1419H akan datang.

### 3. **PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(FATWA) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang mukatabar didalam Islam dan keputusannya adalah seperti berikut:

**“Jawatankuasa Fatwa kali ke 5/8 memutuskan kadar Zakat Fitrah bagi tahun 1419H/1998/99M ialah RM3.60”**

\*Maklum Balas : Setelah diperkenankan oleh DYMM Sultan Selangor, MAIS, Telah memutuskan kadar Zakat Fitrah bagi tahun 1419H/1998/99M ialah RM 3.40.